

TARIKH	14/2/2014	MUKASURAT	C2
HARI	JUMAAT	RUANGAN	KLASIFIKEDS

1 Kelengkapan tiruan kadang kala sukar untuk dikenalpasti dan hanya boleh dikenalpasti oleh pengeluar dengan melihat komponen di dalam kelengkapan tersebut.

2 Kelengkapan tiruan mempunyai mutu yang rendah dan tidak menitik beratkan keselamatan pengguna-pengguna.

3 Kelengkapan tiruan boleh menjadi panas atau menyebabkan litar pintas yang mana akan menyebabkan kebakaran dan renjatan elektrik.

4 Sebagai contoh Peranti Arus Baki tiruan tidak akan terpelanting jika terjadinya arus bocor kebumi disebabkan komponen dalamnya tidak mematuhi standard yang ditetapkan. Wayar elektrik tiruan kemungkinan adalah lebih halus daripada sepatutnya dan boleh membawa bahaya kepada pengguna.

5 Cara-cara untuk mengelak membeli kelengkapan tiruan:

- Beli kelengkapan yang berlabel SIRIM;
- Berhati-hati apabila membeli kelengkapan yang menawarkan harga murah daripada biasa; dan
- Beli daripada pembekal berlesen yang dilantik oleh pengilang atau pengeluar kelengkapan tersebut.

6 Penggunaan Kod Sambungan (Extension Cord) Yang Betul

1 Pastikan wayarnya tidak menghalang laluan yang mana menyebabkan seseorang itu tersandung/terlanggar atau terlalu kendur

sehingga ianya boleh ditarik secara tidak sengaja.

2 Pastikan wayar tersebut tidak terkena air atau haba panas seperti ketuhar dan sebagainya.

3 Elakkan membaiki wayar yang telah pecah atau terkoyak, gantikan ia dengan yang baru.

4 Jangan sambungkan kepada banyak kelengkapan sehingga melampaui beban yang ditetapkan. Ini akan menyebabkan wayar tersebut menjadi panas dan ia boleh menyebabkan kebakaran.

5 Kod sambungan direkabentuk hanya untuk pendawaian sementara. Ia digunakan apabila diperlukan dan simpan semula apabila penggunaannya selesai. Jika ia digunakan secara berterusan maka gantikan ia dengan pendawaian kekal yang mana soket alir keluar yang baru dipasang menggantikan kod sambungan tersebut. Pastikan ia dipasang oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

6 Jangan lalukan wayar tersebut di bawah permaidani dan sebagainya semasa digunakan agar pengedaran haba dapat berjalan dengan baik. Ini bagi mengelakkan daripada kebakaran.

7 Pastikan palam kuasa kelengkapan dipasang ke soket alir keluar kod sambungan sebelum palam kuasa kod sambungan dipasang ke soket alir keluar di dinding.

8 Bagi penggunaan di luar rumah, pastikan pengguna kelengkapan yang telah direkabentuk untuk kegunaan diluar rumah. Walaubagaimanapun berhati-hati bagi mengelakkan terkena kejutan elektrik.

9 Elakkan wayar tergilis/digilis oleh tayar dan sebagainya.

-SURUHANJAYA TENAGA

BAHAYA MEMBELI BARANGAN ELEKTRIK TIRUAN

